

14 FEB 1998

Yaman-Presiden

PRESIDEN YAMAN AKHIRI LAWATAN KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Presiden Yaman Ali Abdullah Saleh berkata beliau yakin hubungan perdagangan antara Malaysia dan negaranya akan meningkat selepas lawatan rasmi empat harinya ke negara ini.

"Saya bawa bersama para pegawai kanan dan ramai ahli perniagaan yang telah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatan mereka di Malaysia," kata beliau kepada pemberita sebelum berlepas hari ini.

Katanya beberapa perjanjian telah ditandatangani antara kedua-dua negara untuk mengukuhkan lagi perdagangan dan hubungan pelaburan yang sedia ada terutama dalam industri minyak, gas dan petroleum di samping meningkatkan pertukaran perdagangan.

Ali berkata beliau telah mengadakan perbincangan yang berhasil dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai pelbagai isu antarabangsa dan serantau dan beliau gembira mendapati kedua-dua pihak mempunyai pendirian dan dasar yang sama terutama terhadap pembangunan di Asia Barat.

Malaysia dan Yaman sehingga ini telah menandatangani 52 perjanjian perdagangan dan 59 perjanjian jaminan pelaburan, bertujuan meluaskan perdagangan, kerjasama ekonomi dan perindustrian bagi jangka panjang antara kedua-dua negara.

Semasa lawatan Ali di sini, para pegawai kedua-dua negara telah menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan, perjanjian perdagangan dan perjanjian jaminan pelaburan.

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Lembaga Pelaburan Yaman turut memeterai memorandum persefahaman (MoU).

Sebelum itu Ali menghadap untuk mengucapkan selamat tinggal kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Terdahulu Dr Mahathir telah mengadakan pertemuan perpisahan dengan Presiden Yaman itu.

Ali dan rombongan 69 anggotanya berlepas ke Beijing untuk meneruskan lawatan ke negara-negara Asia.

Antara yang hadir di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz, Subang ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman. -- BERNAMA

ZAB/MHI NN NMO